

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 JUN 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
CAPAIAN : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/06/965816/icu-jpm-kesan-dua-projek-sakit>

ICU JPM kesan dua projek sakit



KOTA BHARU: Hanya dua projek dipantau Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dikategorikan sebagai projek sakit.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata dua projek berkenaan adalah pembinaan Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai bagi pakej 2B dari Ketereh ke Kok Lanas sepanjang 6.2 kilometer (km) yang lewat 23 peratus atau 308 hari.

Katanya, projek itu sepatutnya siap Mei lalu dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang mengambil langkah untuk mengatasi masalah itu dan menyiapkan projek dengan segera.

"Projek sakit kedua membabitkan pembinaan terminal Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa yang lewat 100 hari.

"Beberapa projek lain yang mengalami kelewatan bagi pakej 2C dari Bukit Sejuk ke Gua Musang sepanjang 19.6 km dan pakej 3B serta 3C Kilometer 180.5 FT08 ke Bulatan Gua Musang sepanjang tujuh km," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas sesi taklimat dan mesyuarat pengurusan projek pembangunan di Kota Darulnaim di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pembangunan), Datuk Dr Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feissal dan Pengarah JKR Kelantan, Mohd Suhaili Ismail.

Mustapa berkata, projek sakit dan lewat disiapkan berikutan beberapa masalah termasuk kekurangan tenaga kerja.

Katanya, kenaikan harga barang binaan turut menjadi faktor projek terbengkalai dan lambat siap berbanding masa ditetapkan.

"Kenaikan harga barang binaan termasuk besi untuk pembinaan dan bitumen bagi pembuatan jalan adalah antara isu dihadapi di peringkat global, bukannya di negara ini sahaja," katanya.

Mustapa berkata, projek yang mengikut jadual ialah pembinaan Lebuhraya Central Spine Road (CSR) membabitkan tiga pakej dan sembilan seksyen.

Katanya, empat seksyen dalam peringkat pembinaan manakala lima seksyen di peringkat perolehan dan dijangka bermula tahun ini.

"Sebahagian daripada pakej dilaksanakan iaitu pakej 2B dari Paloh 2 ke Bukit Sejuk sepanjang 20 km dan pakej 3D dari Bulatan Gua Musang ke Mentara sejauh tujuh km," katanya.